

KUMPULAN BANK ISLAM CATAT PBZT RM746.9 JUTA BAGI TK2022

Cadang dividen interim kedua 3.40 sen sesaham bagi TK2022

SOROTAN

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai Kumpulan (PBZT) naik 6.1% tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada RM746.9 juta
- Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) 7.5% dan Perolehan Sesaham (EPS) 22.86 sen
- Pembiayaan Kasar meningkat sebanyak 11.4% y-o-y kepada RM65.9 bilion
- Komposisi CASATIA kukuh pada 36.8%
- Nisbah Jumlah Modal sihat pada 19.4%
- Cadangan dividen interim kedua sebanyak 3.40 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen tahunan yang dicadangkan kepada 13.80 sen sesaham untuk nisbah pembayaran sebanyak 60% daripada keuntungan bersih, selaras dengan dasar dividen Kumpulan
- Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) dilaksanakan untuk seluruh dividen interim kedua

KUALA LUMPUR, Isnin, [27 Februari 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) merekodkan PBZT berjumlah RM746.9 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (TK2022), meningkat sebanyak 6.1% berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi tahun ke tahun (y-o-y) ini didorong oleh pendapatan bersih yang lebih tinggi dan peruntukan bersih yang lebih rendah untuk pembiayaan dan pendahuluan terjejas, diimbangi oleh jumlah overhed yang lebih tinggi.

Pengukuhan ketara dalam pendapatan bersih Kumpulan adalah disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi yang meningkat sebanyak RM247.2 juta atau 13.5%. Sebahagian besar kenaikan ini didorong oleh pertumbuhan pembiayaan y-o-y. Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi oleh pendapatan bukan berasaskan dana yang lebih rendah iaitu sebanyak RM126.2 juta susulan pendapatan pelaburan yang lebih rendah dan kerugian bersih yang lebih tinggi daripada urus niaga pertukaran asing dalam keadaan pasaran yang tidak menggalakkan sepanjang tahun. Peruntukan bersih Kumpulan ke atas pembiayaan dan pendahuluan terjejas menurun sebanyak RM50.7 juta atau 26.6% kepada RM140.0 juta berbanding tahun lepas.

Prestasi keseluruhan Kumpulan diterjemahkan kepada pendapatan sebanyak 22.86 sen sesaham dan ROE bersih sebanyak 7.5%. Kumpulan mencadangkan dividen interim kedua bernilai 3.40 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen tahunan yang dicadangkan kepada 13.80 sen sesaham dengan melibatkan nisbah pembayaran sebanyak 60% daripada keuntungan bersih. Cadangan ini selaras dengan dasar dividen Kumpulan. DRP dilaksanakan untuk keseluruhan dividen interim kedua.

Pada asas suku tahunan, Bank Islam telah mencatatkan PBZT sebanyak RM187.3 juta bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2022 (4Q2022), sebahagian besar disumbangkan oleh pengukuhan pendapatan bersih yang didorong oleh pertumbuhan pembiayaan. Pada asas y-o-y, PBZT 4Q2022 mencatatkan peningkatan sebanyak 145.2% berbanding RM76.4 juta yang dicatatkan suku yang sama tahun sebelum (4Q2021) susulan penyediaan peruntukan yang jauh lebih rendah.

Pada akhir Disember 2022, jumlah aset Kumpulan adalah sebanyak RM89.9 bilion dengan pertumbuhan y-o-y sebanyak 12.1%. Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik, pembiayaan kasar meningkat 11.4% y-o-y kepada RM65.9 bilion. Sebagai perbandingan, deposit dan akaun pelaburan pelanggan berada pada kedudukan RM75.2 bilion dengan mencatatkan peningkatan y-o-y sebanyak RM7.4 bilion atau 10.9%. Jumlah akaun pelaburan semasa, simpanan dan transaksi (CASATIA) telah berkembang 3.2% y-o-y kepada RM27.7 bilion. Komposisi ini menjadikan jumlah deposit dan akaun pelaburan pelanggan berada pada paras sihat 36.8%. Nisbah Jumlah Modal Kumpulan kekal teguh pada 19.4%.

Sehingga 31 Disember 2022, nisbah pembiayaan terjejas kasar adalah 1.27%. Angka ini kekal lebih baik berbanding purata industri sebanyak 1.7%.

Pandangan Kumpulan

Walaupun sempadan antarabangsa telah dibuka dan China menamatkan dasar sifar COVID-19, kebimbangan terhadap inflasi dan konflik geopolitik akan kekal pada tahun 2023. Dengan prestasi kukuh pada 2022, Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan pertumbuhan negara pada tahun ini sederhana di sebalik pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlakan. Pertumbuhan Malaysia akan disokong oleh permintaan domestik.

Bank-bank Malaysia kekal teguh dalam memainkan peranan sebagai tulang belakang kewangan negara dan menyokong pemulihan ekonomi dengan menyediakan kecairan dalam pasaran. Penganalisis menjangkakan pertumbuhan pembiayaan berlegar pada sekitar 5% hingga 6% pada 2023. Sektor perbankan dijangka terus memacu agenda ESG dan perubahan iklim di bawah Belanjawan Negara 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Memandangkan ekonomi semakin pulih, Bank Islam akan meneruskan usaha untuk membina kekuatan terasnya. Antara langkah yang diambil adalah menambah baik aplikasi perbankan mudah alih kami dan membina usaha sama strategik yang memberi manfaat kepada semua pihak terlibat. Bank Islam berusaha untuk menyediakan penyelesaian kewangan merentasi segmen melalui pengedaran Perbankan Runcit dan Perbankan Mewah Utama."

"Selain itu, model operasi Perbankan Institusi yang baharu ditubuhkan juga mengutamakan pelanggan, pada masa sama menawarkan produk yang memenuhi keperluan mereka. Dalam memajukan matlamatnya untuk sedia mendepani masa hadapan, Bank Islam telah memulakan fasa kedua Pelan Tindakan IT empat tahunnya dalam meningkatkan aspirasi dan cara kerja digital," tambahnya.

Bank Islam melancarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko ESG pada 30 Oktober 2022 selaras dengan usaha utama pengawal selia global dan tempatan dalam membina sistem kewangan yang berdaya tahan. Kumpulan menyasarkan untuk menggandakan aset Syariah-ESG kepada RM4 bilion menjelang akhir 2025 dan terus menyumbang kepada cita-cita Malaysia sifar bersih karbon.

Menyedari kewangan sosial sebagai pemboleh pembangunan sosioekonomi, Bank Islam terus mencipta impak sosial yang memberi kesan dengan menggunakan kedua-dua pembiayaan campuran dan model pencepat pendanaan dalam penawaran kewangan sosialnya. Sehingga Disember 2022, Bank Islam telah mengeluarkan lebih RM10 juta pembiayaan mikro dan modal sumbangan untuk menyokong inisiatif dalam memupuk mereka yang berstatus *unbanked* (tidak menerima perkhidmatan perbankan) untuk menjadi *bankable* (diterima bank).

Mohd Muazzam menambah, "Melalui usaha ini, kami berhasrat untuk menjadi bank terkemuka bagi agenda rangkuman kewangan dalam memenuhi matlamat Syariah yang lebih tinggi dalam ekonomi dan memastikan pengagihan kekayaan yang berkesan dalam masyarakat."

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di:
MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my